



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **WARGA LABUAN MERIAHKAN MALAM SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**LABUAN, 25 Februari 2017** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menghadiri Malam Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 bersama-sama dengan 5,000 warga Labuan pada malam ini yang diadakan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.

Malam Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 merupakan salah satu program yang dirancang sepanjang bulan Februari sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 (SHWP 2017). Pada tahun ini, program dan aktiviti sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bersama rakyat telah dimulakan dengan program Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang diadakan serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan pada 15 Januari 2017 yang lalu. Pada 1 Februari yang lalu pula telah berlangsungnya Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan yang sempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah merencanakan sebanyak 45 program/aktiviti sempena SHWP 2017 dengan kerjasama daripada agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan serta Badan-Badan Korporat bagi menjayakan program yang dirancang ini. Kementerian turut berkongsi kos penganjuran program dengan rakan penganjur ini sebagai salah satu langkah penjimatan seperti yang disarankan oleh Kerajaan.

Antara program yang telah dilaksanakan sepanjang bulan ini adalah seperti Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan, Majlis Khatam Al-Quran dan Sambutan Maulidur Rasul, Program Ilmiah, Program CSR Wilayah Persekutuan, Pertandingan Catur serta Program Gen Y dan banyak lagi program yang telah dianjurkan secara

bersama oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi sepanjang bulan Februari.

Semua program ini diatur bagi menggalakkan komitmen dan penyertaan sepenuhnya warga Wilayah Persekutuan daripada pelbagai lapisan usia untuk sama-sama merasai manfaat Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini. Ia bagi menambahkan semangat perpaduan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan seterusnya mengukuhkan semangat "Kekitaan", "Kebersamaan", dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan selaras dengan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini iaitu "Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera".

Diharapkan melalui penganjuran program seperti ini dapat memberi impak yang besar serta penglibatan rakyat secara terus serta memberi peluang kepada mereka berjumpa para pemimpin secara bersemuka dengan lebih akrab. Inisiatif yang dilaksanakan oleh KWP adalah dengan memastikan rakyat sentiasa merasai *feel good factor* serta merapatkan hubungan antara pemimpin dan rakyat serta sentiasa mendekati rakyat untuk membantu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Labuan

25 Februari 2017